

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN SEMPENA MENYAMBUT MA'AL HIJRAH 1422

TEMPAT: MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

TARIKH: 25 MAR 2001

MASA:

Setiap tahun umat Islam di negara kita tidak pernah ketinggalan menyambut Ma'al Hijrah iaitu bagi mengenang hari penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. dari Mekah ke Madinah. Peristiwa itu bukan satu kisah pengembaraan biasa tetapi satu usaha yang terpaksa diambil oleh Nabi untuk menyelamatkan agama Islam dan para pengikutnya daripada penindasan oleh penduduk Mekah. Rasullullah telah mengambil keputusan untuk berhijrah setelah mendapati usahanya untuk mengembangkan agama Islam mendapat tentangan hebat daripada penduduk Mekah. Penganut agama Islam yang sedikit itu pula telah ditekan hingga sukar bagi mereka untuk mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Bagi menyelamatkan agama Islam dan pengikutnya Nabi memilih untuk berhijrah ke Madinah. Baginda mendapati penduduk Madinah lebih bersedia menerima agama Islam. Di Madinah agama Islam telah subur berkembang dan dari situlah pula ia tersebar luas ke merata wilayah di dunia termasuk Mekah sendiri. Peristiwa bersejarah itu telah dijadikan perkiraan bermulanya zaman Islam.

2. Bagi umat Islam, sambutan Ma'al Hijrah bukan sahaja bagi memperingati peristiwa penghijrahan itu. Hijrah mempunyai maksud yang lebih luas. Antaranya hijrah memberi teladan atau pengajaran kepada umat Islam dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup. Hijrah bukan bermakna melari atau mengelak daripada masalah, tetapi mengundur untuk menyediakan diri bagi mengatasi cabaran. Di Madinah Nabi telah dapat menyediakan umat Islam untuk mempertahankan Islam dan umat Islam daripada serangan orang Quraisy musuh Islam. Dengan pegangan keagamaan yang kuat dan kelengkapan pertahanan, orang Quraisy ditewaskan dan akhirnya Mekah ditawan oleh pasukan Islam pimpinan Nabi.

3. Demikian apabila umat Islam berhadapan dengan masalah atau tekanan, atau godaan nafsu, maka orang Islam perlu berhijrah iaitu mundur sekejap untuk menguatkan ketahanan diri dan kembali melawan dan mengatasi cabaran dan godaan ini.

4. Sambutan Ma'al Hijrah di negara kita tahun ini adalah bertemakan "Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah". Pemilihan tema ini adalah amat bersesuaian

dengan perkembangan semasa di kalangan umat Islam seluruh dunia dan juga di negara kita. Islam berkehendakkan umat Islam bersatu padu dan mengelak daripada perpecahan. Tujuannya tentulah jelas kerana perpecahan melemahkan tetapi perpaduan menambah kekuatan. Umat Islam perlu kuat kerana keperluan menangkis serangan dan tekanan oleh musuh-musuh Islam. Oleh kerana umat Islam tidak mengendahkan seruan Islam berkenaan perpaduan maka hari ini orang Islam dan negara Islam amatlah lemah dan ditindas oleh musuh-musuh Islam.

5. Sejak dari awal tamadun manusia lagi perpecahan sering berlaku di kalangan umat Adam. Perpecahan atau persengketaan berlaku bukan sahaja antara keluarga, puak atau kaum sendiri malah dengan kaum, bangsa atau negara lain. Sebab itu sejarah tamadun manusia ini penuh dengan kisah peperangan, persengketaan, pembunuhan dan penaklukan wilayah. Berlakunya perbalahan ini berpunca daripada bermacam sebab termasuk soal peribadi, maruah, harta, tanah, ekonomi hinggalah kerana rebutan kuasa atau hanya langkah strategik atau politik. Walau apa pun puncanya, persengketaan membawa kerosakan dan kemusnahan kepada mereka yang terlibat. Tetapi yang lebih buruk lagi persengketaan, umpamanya dalam peperangan, mangsa kerap kali terdiri daripada orang yang tidak berdosa. Semasa Peperangan Dunia Pertama dan Kedua, banyak yang terbunuh ialah orang awam yang tidak terlibat langsung dalam percaturan politik negara-negara yang berperang. Rakyat biasa telah menjadi korban pengeboman dan pembunuhan beramai-ramai.

6. Pengajaran yang jelas ialah permusuhan antara manusia tetap membawa keburukan, termasuk pembunuhan beramai-ramai, kemusnahan harta dan kemiskinan yang menyeluruh. Pihak yang menang tidak memperolehi lebih daripada yang kalah. Dalam Peperangan Dunia Kedua yang menyebabkan hampir 20 juta manusia terbunuh, yang kalah ialah Jerman dan Jepun. Tetapi selepas perang, kedua-dua negara ini dapat dipulihkan sehingga menjadi kuasa ekonomi dunia yang terbesar. Sebaliknya negara yang menang hari ini lebih miskin daripada negara-negara yang kalah ini.

7. Contoh-contoh perpecahan dan persengketaan ini dapat dilihat dengan banyaknya di sekeliling kita terutama di kalangan umat Islam dan negara-negara Islam. Apa yang kita saksikan, persengketaan mereka itu yang kononnya hendak menghapuskan kezaliman dan lain-lain telah membawa kehancuran dan kemusnahan kepada rakyat dan negara mereka.

8. Selain itu, kerana tiadanya perpaduan ada negara Islam seperti Palestin yang terus menjadi mangsa penganiayaan oleh musuhnya. Sejak Peperangan Dunia Kedua sehingga ke hari ini masalah Palestin masih tidak dapat diselesaikan. Puncanya kerana tiadanya perpaduan

dan kekuatan di kalangan ummah dan negara-negara Islam untuk menolongnya. Banyak negara Islam hidup bersendirian dan tidak dapat membantu ummah lain kerana mereka sendiri terpaksa menghadapi pergolakan di dalam negara akibat perpecahan atau persengketaan sesama rakyat mereka sendiri.

9. Jelas sekali perpecahan tidak membawa sebarang keuntungan. Malah ia lebih banyak mendatangkan kemudatan. Kita lihat bagaimana di sesetengah negara luar rakyatnya berbunuhan secara kejam dan ngeri kerana bersengketa kerana agama atau warna kulit. Persengketaan ini telah menghancurkan masyarakat di samping kemusnahan kepada ekonomi dan keselamatan negara-negara berkenaan. Sebab itu Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha untuk memastikan rakyat negara ini, khususnya umat Islam sentiasa dapat hidup dalam bersepadu, aman dan harmoni. Hubungan kaum yang erat akan memberi jaminan kepada kemajuan sosio-ekonomi dan keamanan negara. Dan perpaduan sesama umat Islam pula akan membawa kepada keutuhan ummah dan keteguhan agama Islam.

10. Bagaimanapun, perkembangan di dalam negara kita sejak akhir-akhir ini terutama selepas pilihanraya 1999, telah mengunjur ke arah perpecahan. Perpaduan di kalangan rakyat telah tergugat dan terancam akibat pelbagai desakan dan tuntutan melampau oleh pihak tertentu. Begitu juga perpaduan di kalangan umat Islam turut terjejas kerana penyalahgunaan agama. Perbezaan ideologi politik tidak semestinya menyebabkan perpecahan umat Islam. Walaupun negara kita mempunyai pelbagai parti politik yang ahlinya beragama Islam, tetapi dalam pengamalan agama Islam tidak harus ada perpecahan. Sepatutnya kita dapat beribadat bersama dan, jika ada cabaran terhadap agama Islam, semua orang Islam daripada apa juga fahaman politik atau sosial hendaklah rapatkan barisan dan mempertahankan agama Islam. Tentulah orang Islam dan negara Islam akan lebih selamat dan lebih berwibawa dengan bersatunya semua orang Islam.

11. Orang Islam tidak harus sengaja bermusuh dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuh dengan mereka. Sebaran berita yang tidak berasas dengan tujuan menimbulkan kemarahan oleh orang Islam kerana kononnya ramai orang Islam telah dibinasa dan dibunuh bukanlah caranya melindungi orang Islam. Jika ada orang Islam yang diserang kerana perkelahian dengan bukan Islam, orang Islam tidak harus bertindak mengganas terhadap kaum lain. Kes seperti ini perlu dilaporkan kepada polis.

12. Jika orang Islam mengambil tindakan dengan sewenang-wenangnya maka perkara yang kecil akan menjadi masalah yang besar dan sukar dikawal. Ramai yang tidak berdosa akan diserang atau dibunuh. Akhirnya tidak ada

sesuatu apa yang akan diperolehi oleh mana-mana pihak.

13. Baru-baru ini berita angin telah disebar dengan luasnya selepas perkelahian kecil berlaku. Kononnya ramai orang Islam telah dibunuh. Berita ini tidak benar sama sekali. Seperti yang dijangka orang yang tidak ada kena-mengena dengan perkelahian asal telah diserang, dcedera dan dibunuh, kerap kali di tempat yang jauh daripada tempat kejadian. Ada tanda-tanda penyebaran berita angin dan serangan ini disengajakan oleh pihak tertentu yang ingin melihat rusuhan dan keganasan berlaku dalam negara kita. Semua ini memburukkan agama Islam. Orang Islam sepatutnya tidak bertindak di luar undang-undang. Perbuatan yang sedemikian tidak menyumbang kepada kebaikan dan pembangunan agama Islam dan negara Islam. Ia bukanlah satu hijrah ke arah kebaikan. Ia sebenar adalah pengembalian kepada cara-cara jahiliah di mana sesuatu kumpulan bertindak kerana fanatik kepada kaum dengan tidak mengambilkira baik-buruk apa yang dilakukan oleh kaum berkenaan.

14. Hari ini orang Islam memang lemah kerana mundur dalam serba-serbi. Jika kita faham makna berhijrah kita patutlah berpindah daripada keadaan ini. Untuk ini kita perlu kikis segala fahaman silap dan budaya yang menyekat kita daripada berhijrah untuk memperbaiki keadaan kita. Tidak ada gunanya kita merayakan sesuatu peristiwa dalam sejarah Islam jika kita tidak mengambil iktibar daripadanya.

15. Penghijrahan Nabi Besar kita jelas menunjukkan kesanggupan Nabi menukar kehidupan Baginda secara radikal, iaitu meninggalkan rumah tangga dan tempat bermastautinnya untuk menjayakan perkembangan Islam.

16. Seperti yang kita semua maklum penghijrahan ini berjaya mengembangkan Islam dan mendirikan sebuah negara yang kukuh dan kuat di Madinah yang akhirnya menjadi pusat perkembangan Islam di seluruh Semenanjung Arab dan seterusnya seluruh dunia. Soalnya ialah apakah kita sanggup berhijrah daripada kejahilan kita sekarang yang menyebabkan kita menjadi lemah kepada ajaran Islam yang sebenar yang telah memberi begitu besar kejayaan pada Nabi?

17. Ingatlah segala yang buruk itu datang daripada kita dan segala kebaikan datang daripada Allah juga. Jika hari ini keadaan kita begitu lemah dan buruk sehingga kita ditindas sepanjang masa, sebabnya tentulah kerana kesalahan kita. Jika kita benar-benar mengamalkan ajaran Islam, agama di sisi Allah, sudah tentu kita akan memperolehi kebahagiaan dan kemuliaan. Tetapi ramai yang menyalahafsirkan Islam untuk menghalalkan perbuatan mereka. Dan apabila hasilnya ialah keburukan mereka sering menyalahkan orang lain yang mereka dakwa sebagai tidak Islam.

18. Sempena sambutan Ma'al Hijrah ini, eloklah kita memperbaharui azam kita untuk memperbaiki dan mengubah nasib kita ke arah yang lebih baik, ke arah kemajuan, kejayaan dan yang amat penting perpaduan di antara kita. Dengan perpaduan yang erat ini dapatlah kita membangun dan memajukan lagi negara kita supaya dapat kita menggerunkan musuh-musuh kita, insya-Allah.